

DATE: 28/7/2008

NKRA, KPI baiki mutu perkhidmatan

BH - 28/7/2008

Usaha perjelas hala tuju pembangunan negara: Najib

Oleh Johari Ibrahim dan Saufi Hamzah
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius di kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata ia juga bagi memastikan rakyat mendapat gambaran lebih jelas mengenai hala tuju pembangunan negara.

"Kepemimpinan tidak akan bermakna jika bukan berpaksikan pencapaian yang akan membolehkan perkhidmatan awam dan anggota pentadbiran dinilai secara menyeluruh daripada aspek kuantitatif dan kualitatif.

"NKRA dan KPI diperkenalkan kerana tidak mahu rakyat sebagai pelanggan utama berada dalam keadaan terabura dan samar apakah inisiatif, rencana dan hala tuju pembangunan yang sedang digembleng oleh kerajaan.

"Saya mahu segala rancangan pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat

dimaklum dan diketahui agar mereka dapat memantau dan menilai pencapaian sasaran yang ditetapkan," katanya.

Beliau berucap pada majlis Perhimpunan Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran, Penjawat Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Najib menerusi ucapan bertajuk Merevolusi Pengurusan Perkhidmatan Kerajaan: Pencapaian Diutamakan, memperincikan KPI setiap enam NKRA yang masing-masing diterajui oleh enam menteri, iaitu:

- Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin - Meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan.

- Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein - Mengurangkan kadar jenayah.

- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz - Memerangi rasuah.

- Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil - Meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.



NAJIB menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran, Penjawat Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di Putrajaya, semalam.

“NKRA dan KPI diperkenalkan kerana tidak mahu rakyat samar apakah inisiatif pembangunan yang digembleng oleh kerajaan”

Najib Razak
Perdana Menteri

- Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal - Memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman.

- Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat - Menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

Najib juga berkata, setiap NKRA akan dikenal pasti menerusi KPI tersendiri dengan sasaran khusus supaya pen-

capaiannya dapat diukur.

Katanya, sistem KPI banyak diguna pakai oleh syarikat korporat dan dijadikan sebagai radas timbangan kerja yang berkesan, selain diterima pakai dengan jayanya oleh kerajaan negara maju seperti Britain, Australia dan Kanada.

"Dengan adanya KPI, segala prosedur akan diperkemaskan, segala sumber dan tenaga dalam organisasi akan

digembleng dan segala usaha akan ditumpu untuk mencapai sasaran yang dipateri dalam satu tempoh masa munasabah yang dijanjikan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada akhirnya rakyat akan memperoleh semua faedah daripada usaha itu, manakala beliau sendiri akan bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap matlamat NKRA dan pencapaian KPI.

IZHARI ARIFFIN | BERITA HARIAN